

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]**

TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan apakah pelan persediaan khas yang dirangka Kerajaan untuk
generasi warga emas bagi tahun 2020-2030.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada data unjuran penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, negara kita akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 dengan jumlah warga emas atau mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas seramai 5.80 juta orang atau 15.3% daripada jumlah penduduk. Sebagai persediaan awal, Kerajaan telah menggubal Dasar Warga Tua sejak tahun 1995 di mana dasar tersebut telah disemak semula dan dipinda pada tahun 2011 selaras dengan perubahan demografi, keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Di samping itu, Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) juga telah digubal dan dilaksanakan bagi tempoh sepuluh tahun iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Bagi memastikan kesejahteraan warga emas menjelang tahun 2030 dan tahun seterusnya, Kementerian dalam perancangan untuk menyediakan hala tuju bagi persediaan Malaysia ke arah negara tua pada 2030 dari segi penilaian semula Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara sedia ada. Pembangunan hala tuju ini amat penting dalam merangka strategi, program dan tindakan yang perlu bagi memastikan keperluan sebenar warga emas dapat dipenuhi menjelang 2030.

Pada tahun ini, KPWKM sedang melaksanakan kajian bagi meneliti pembangunan skop, kerangka dan kandungan untuk menggubal satu akta khusus bagi warga emas. Hasil utama kajian adalah penggubalan satu akta khusus bagi warga emas, yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2021, yang menumpukan kepada mempertingkatkan perlindungan dan hak asasi warga emas di Malaysia.

Kementerian juga sedang melaksanakan Kajian Diagnostik Bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang Yang Bersepadu dan Mapan di Malaysia yang dijangka selesai pada penghujung tahun 2020. Hasil yang dijangkakan adalah pembentukan model pembiayaan serta model penjagaan yang bersepadu serta pelan tindakan pelaksanaan penjagaan jangka masa panjang. Kajian ini akan

SOALAN NO. : 18

mengambil kira keperluan jagaan kesihatan dan sosial di institusi serta di komuniti.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa isu penuaan merupakan isu sejagat yang merupakan tanggungjawab bersama semua pihak. Isu ini memerlukan komitmen dan kolaborasi sepenuhnya di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak swasta, ahli akademik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), komuniti, keluarga dan warga emas sendiri. Kementerian akan terus komited dan mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk Yang Berhormat Ahli Dewan sekalian untuk bekerjasama dengan Kementerian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam memberikan sokongan terhadap semua inisiatif yang dilaksanakan untuk golongan warga emas.